



SIARAN MEDIA

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-22

PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN) & PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)

22 September 2020



PENGENALAN

1. Assalamualaikum WBT dan Salam hormat. Terima kasih kerana bersama saya dalam Laporan Laksana Ke-22 ini. Sesungguhnya, Laporan Laksana merupakan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan status pencapaian Pakej PRIHATIN dan juga PENJANA dijalankan dengan telus dan terbuka. *Transparency is necessary to ensure the effectiveness and cost-efficiency of public funds.* Selain itu, Laporan Laksana ini juga membolehkan Kerajaan menyampaikan peringatan dan memberi maklumbalas kepada isu-isu berbangkit.
2. Pada minggu ini, **Laporan LAKSANA Ke-22** akan memberi fokus kepada status pelaksanaan PENJANA dan diikuti oleh ulasan isu semasa. Manakala, bagi inisiatif PRIHATIN, akan dikongsi sebagai [lampiran](#) dan dimuat naik di laman web Kementerian Kewangan iaitu <https://www.treasury.gov.my/> serta saluran media sosial rasmi.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

3. Di bawah PENJANA, inisiatif-inisiatif adalah terbahagi kepada tiga matlamat, iaitu:
 - a. Memperkasakan Rakyat;
 - b. Melonjakkan Perniagaan; dan
 - c. Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

4. **Pertama, Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) yang** dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang memberi **penekanan kepada pengesanan awal penyakit tidak berjangkit kepada golongan B40** terutama apabila meningkat usia. Di antara 1 Julai sehingga 11 September 2020, sebanyak **82,935** tuntutan diterima yang bernilai **RM5.16 juta**.
 - a. Kelayakan menyertai PeKa B40 adalah berdasarkan kriteria berikut:
 - Penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangannya yang berdaftar; dan
 - Berumur 40 tahun dan ke atas.
 - b. Golongan B40 boleh mendaftar dengan Skim PEKA B40 melalui pautan rasmi yang dikawal selia oleh KKM iaitu <https://www.peakab40.com.my/bm>. Ia dibiayai sepenuhnya Kerajaan dan menyediakan empat manfaat meliputi perkhidmatan saringan kesihatan (contoh: kesihatan mental dan payudara, ujian darah, pengesanan diabetes, kolesterol, air kencing dan fungsi buah pinggang); bantuan alat perubatan; insentif rawatan kanser; dan insentif tambang pengangkutan bagi urusan kesihatan.

Ringkasan tuntutan dan nilai bantuan adalah seperti berikut:

Tempoh 1 Julai 2020 sehingga...	Jumlah Tuntutan*	Nilai Bantuan* (RM juta)
11 September	82,935	5.16
4 September	73,592	4.50
31 Ogos	66,380	3.70
21 Ogos	57,456	2.56

*Jumlah Kumulatif

5. **Kedua, insentif bagi menggalakkan pusat asuhan kanak-kanak mengamalkan *Standard Operating Procedures (SOP)* norma baharu dan pengiktirafan premis.** Geran secara *one-off* yang bernilai sehingga RM5,000 disalurkan kepada setiap pengendali taska dan tadika yang berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Setakat **11 September 2020**, sebanyak **11,067 buah taska telah disemak dan diluluskan** dengan jumlah peruntukan **RM16.42 juta**.

6. **Ketiga, PENJANA GIG.** Pada laporan Laksana ke-21 bertarikh 15 September minggu lalu, saya ada menyentuh berhubung PENJANA GIG yang memberi fokus kepada rakyat yang selama ini bekerja tanpa jaringan keselamatan sosial; khususnya pekerja ekonomi gig. Melalui inisiatif ini, Kerajaan akan menampung caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) **sebanyak 70% (RM163) manakala baki 30% (RM69.80) lagi ditampung oleh pekerja gig atau penyedia platform yang menjadikan jumlah bayaran sebanyak RM232.80 setahun.** Ini akan memberikan perlindungan sehingga melebihi RM6,000 kepada pekerja ekonomi gig sekiranya ditimpa musibah semasa bekerja. Namun, berdasarkan maklumat daripada PERKESO, kesedaran di kalangan pekerja gig **adalah masih di tahap yang rendah** di mana sehingga 11 September 2020, hanya **0.95% atau 2,847** pekerja ekonomi gig yang berdaftar dengan PERKESO daripada sasaran 300,000 pekerja. Kelayakan **Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)** bukan sahaja meliputi **faedah perubatan, pendidikan dan kemudahan pemulihan jasmani atau vokasional** yang tertakluk di **bawah Pelan 2**, malah ia juga termasuk manfaat yang berikut:

No.	Faedah	Pelan 2 (Penjana Gig)
1	Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)	80% daripada RM1,550 (setiap cuti sakit berkecualan menerima RM41 sehari)
2	Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK)	90% daripada RM1,550 dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.
3	Faedah Orang Tanggungan (Kematian) kepada Pasangan / Ibu Bapa / Adik Beradik / Anak.	RM1,395 sebulan sepanjang hayat
4	Elaun Layanan Sentiasa kepada OBS yang tidak berdaya akibat bencana pekerjaan sehingga memerlukan layanan oleh orang lain.	RM500 sebulan
5	Faedah Pengurusan Mayat	RM2000

Sehubungan itu, saya menyeru semua pihak supaya memainkan peranan dalam memberi kesedaran mengenai kepentingan pekerja gig ekonomi mencarum dengan PERKESO untuk kemudahan di masa hadapan. Maklumat lanjut boleh didapati melalui pautan berikut: <https://gig.perkeso.gov.my/>

7. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan mula dilaksanakan pada **18 Mac 2020**, ramai rakyat didapati mengalami kehilangan pekerjaan dan mata pencarian berikutan tiada perancangan dan persediaan yang baik dalam menghadapi pandemik yang julung kali berlaku di seluruh dunia pada masa tersebut. Oleh itu, selain daripada keputusan untuk membuka semula sektor-sektor ekonomi negara secara berperingkat mengikut tahap kesihatan awam semasa, Kerajaan juga telah merangka inisiatif yang menyeluruh dalam memastikan isu pengangguran tidak meningkat secara mendadak akibat pandemik COVID-19. Ini termasuk:

- a. **Pertama, Program Subsidi Upah PENJANA.** Program ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam membantu rakyat terjejas akibat COVID-19 dan telah terbukti berjaya menyelamatkan berjuta-juta pekerjaan sejak ia mula dilaksanakan. Bantuan **bagi Program Subsidi Upah kepada majikan ini yang asalnya untuk tempoh 3 bulan telah dilanjutkan selama 3 bulan tambahan di bawah PENJANA yang menjadikan 6 bulan secara keseluruhan.** Ini bagi membantu syarikat serta pekerja yang terjejas selaras dengan pembukaan ekonomi secara berperingkat. Setakat 11 September 2020, sebanyak **RM10.44 bilion subsidi upah** telah diluluskan yang memanfaatkan lebih **2.6 juta pekerja.**

Tarikh Laporan	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
11 September	10.440	2.626	321,145
4 September	10.414	2.622	320,701
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah Kumulatif

- b. **Kedua, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** Sebanyak RM1.5 bilion telah diperuntukkan untuk program ini yang bertujuan menggalakkan pengambilan pekerja oleh majikan. Secara keseluruhannya **seramai 33,688** pekerja (peningkatan daripada 28,577 minggu lalu) telah berjaya mendapat pekerjaan. Jumlah ini merangkumi **25,752 orang di bawah umur 40 tahun, 4,324 orang bagi golongan berusia di antara 40 - 60 tahun, 256 OKU dan 3,356 perantis.**

Tarikh setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Perkerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	OKU	Perantis	
11 September	25,752	4,324	256	3,356	33,688
4 September	21,604	3,722	232	3,019	28,577
28 Ogos	18,354	3,266	178**	2,818	24,616
21 Ogos	15,113	2,856	220	2,385	20,574

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah kerana selepas penyelarasan dan analisa lanjut, sejumlah pemohon didapati bukan OKU

- c. **Ketiga, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Beberapa Kementerian dan agensi telah menyelaraskan program “*reskilling & upskilling*” merentasi kementerian dan agensi berkaitan supaya dapat memenuhi kehendak industri. Selain itu, program kemahiran ini berpotensi untuk melatih kemahiran baharu bagi tujuan pengekalan pekerjaan dan juga penerapan elemen keusahawanan untuk tujuan memulakan perniagaan. Kementerian dan agensi yang telah memulakan inisiatif ini adalah:

- i. **Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)**
- ii. **Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)**
- iii. **Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)**
- iv. **Majlis Amanah Rakyat (MARA)**
- v. **Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)**

Sila layari laman web Kementerian dan Agensi ini bagi maklumat lanjut.

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

8. PKS memainkan peranan yang penting sebagai pemacu kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan itu, Kerajaan akan memastikan Pakej PENJANA akan terus memberi penekanan dalam menyokong PKS melalui peningkatan akses kepada pembiayaan bagi meningkatkan keupayaan dan kapasiti mereka.
9. **Pertama, Skim Pemulihan Perniagaan Tekun atau *TEKUN Business Recovery Scheme – TBRIS***. Skim ini membantu mengekalkan aliran tunai PKS Mikro untuk kekal beroperasi tanpa memberhentikan kakitangan. Setakat 11 September 2020, sebanyak **RM71.2 juta** telah disalurkan dan memanfaatkan **10,649 PKS Mikro**.

Tarikh setakat	Permohonan* diluluskan	Jumlah disalurkan* (RM juta)
11 September	10,649	71.2
4 September	9,313	62.7
28 Ogos	6,908	47.7
31 Julai	909	6.8

*Jumlah Kumulatif

10. **Kedua, Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN)** dengan peruntukan sebanyak RM500 juta yang bertujuan menyokong PKS dan PKS Mikro melalui program pembiayaan baharu dengan kadar faedah 3.5% serta pinjaman maksimum sehingga RM50,000. Setakat 11 September 2020, sebanyak **RM42.92 juta** telah disalurkan dan memanfaatkan **1,146 PKS dan PKS Mikro**.

Tarikh setakat	Permohonan* diluluskan	Jumlah disalurkan* (RM juta)
11 September	1,146	42.92
4 September	744	28.27
28 Ogos	399	15.23

*Jumlah Kumulatif

11. **Ketiga, Pembiayaan PKS PENJANA** untuk PKS yang terkesan COVID-19. Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM2 bilion dan memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman dari bank sebelum ini. Sehingga 11 September 2020, sebanyak **2,566 permohonan PKS telah diluluskan pinjaman dengan nilai pinjaman sebanyak RM639.57 juta.**

Tarikh setakat	Permohonan* diluluskan	Jumlah nilai pinjaman* (RM juta)
11 September	2,566	639.57
4 September	2,131	562.3
28 Ogos	1,615	426.2
21 Ogos	1,172	329.5

*Jumlah Kumulatif

12. Bagi memastikan **kelangsungan usahawan Bumiputera dalam menghadapi situasi sukar ekoran pandemik COVID-19**, Kerajaan juga menyediakan program pembiayaan mudah Bumiputera berjumlah RM500 juta yang meliputi:

- a. **Pertama, Pembiayaan Mudah Bumiputera oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) yang** berjumlah RM200 juta kepada perniagaan milik Bumiputera khusus bagi bantuan dari segi:
- Modal kerja;
 - Perbelanjaan operasi;
 - Automasi sistem;
 - Peralatan dan perbelanjaan untuk melaksanakan amalan penjarakan sosial seperti alat perlindungan diri; dan
 - Kemudahan pembiayaan sebanyak RM100,000 sehingga RM1 juta bagi tempoh sehingga lima tahun pada kadar faedah 3.5% setahun beserta moratorium sehingga enam bulan dari tarikh pengeluaran.

Sehingga 11 September 2020, sebanyak **RM1.85 juta** telah disalurkan dan memanfaatkan **8 perniagaan milik Bumiputera.**

- b. **Kedua, Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM) oleh MARA** dengan peruntukan berjumlah RM300 juta yang berupa **pinjaman modal kerja** untuk membantu usahawan Bumiputera yang terjejas termasuk di kolej latihan dengan **had maksimum jumlah pinjaman adalah RM1 juta dengan kadar faedah 3.5%** setahun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.mara.gov.my.

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

13. **Pertama, Sukuk Prihatin:** Sukuk ini membuka peluang kepada Rakyat Malaysia untuk menyumbang bersama dalam usaha Kerajaan membina semula ekonomi Negara pasca Covid -19. Sukacita dimaklumkan bahawa **Sukuk ini telah terlebih langgan (*oversubscribed*), dengan jumlah langganan lebih RM666 juta, melepasi sasaran penerbitan asal berjumlah RM500 juta.** Memandangkan sambutan yang amat memberangsangkan dari pemohon yang layak, Kerajaan memutuskan untuk menerbitkan langganan tambahan sebanyak RM166 juta. Dana yang terkumpul akan disalurkan kepada inisiatif-inisiatif seperti penambahbaikan kesalinghubungan atau *connectivity* di sekolah-sekolah luar bandar, sokongan kepada peniaga mikro, dan penyelidikan penyakit berjangkit
14. **Kedua, ePenjana.** Sehingga 11 September 2020, **10.98 juta rakyat telah berjaya menerima RM50 dalam e-Dompet mereka dengan jumlah nilai sebanyak RM548.8 juta.** Penerima ePENJANA dingatkan bahawa **kredit di dalam e-dompet ini perlu digunakan sebelum 30 September 2020.** Selepas tarikh tersebut nilai kredit akan luput daripada akaun pengguna e-dompet tersebut.
15. **Ketiga, Sokongan bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan.** Pelan PENJANA bagi industri kreatif telah diwujudkan bertujuan memulihkan industri kreatif termasuk aliran seni dan budaya yang ditadbir oleh anak syarikat Kerajaan iaitu **MyCreative Ventures** dan **Cultural Economy Development Agency (CENDANA)** di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Ia telah dirancang khas untuk membantu industri seni, budaya, hiburan dan pementasan – sama ada dari kalangan para penggiat mahupun perniagaan yang berteraskan seni yang terkesan dengan pandemik COVID-19 – untuk bangkit semula dan meneruskan aktiviti kreatif mereka. **Semua pemain industri terlibat boleh memohon bantuan dari agensi berkaitan. Sila layari www.cendana.com.my untuk maklumat lanjut.**

ULASAN ISU SEMASA

16. Saya yakin langkah proaktif awal melalui PRIHATIN dan PENJANA dengan menyalurkan bantuan kepada semua golongan rakyat dan perniagaan telah membantu Malaysia untuk keluar dari kemerosotan disebabkan COVID-19. Jika dilihat pada penanda ekonomi negara, kita sudah meningkat secara beransur dan keluar dari keluk kejatuhan. Walaupun seluruh dunia masih menghadapi cabaran kerana pandemik COVID-19, keyakinan di dalam pasaran Malaysia tetap teguh terutama dari pelabur asing berdasarkan **pelaburan sebanyak RM23.1 bilion di dalam pasaran bon sehingga Ogos**. Malah, Ringgit juga muncul sebagai salah satu mata wang paling kukuh di Asia Tenggara dipacu oleh inisiatif secara berterusan kerajaan dalam menangani Covid-19.
17. Keyakinan pelabur juga dapat dilihat melalui pelancaran Bandar Malaysia baru-baru ini, yang berpotensi membuahkan kesan pengganda kepada pelbagai sektor ekonomi negara, serta menarik bakat dari dalam dan luar negara. **Bandar Malaysia merupakan projek pembangunan bandar tunggal terbesar di Asia Tenggara dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM140 bilion**. Selain itu, inisiatif oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) juga menyasarkan **ekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) meningkat sebanyak RM300 bilion** menerusi inisiatif digariskan dalam Pelan Pembangunan Strategik (SDP) NCER 2021-2025 yang baharu dilancarkan. SDP ialah rangka kerja mantap dan strategik untuk merealisasikan gabungan potensi semasa di negeri-negeri NCER, iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak merangkumi projek strategik, pelaburan berimpak tinggi dan program modal insan, untuk memenuhi keperluan semasa rakyat, perniagaan serta industri, dalam usaha untuk mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dengan luar bandar.
18. Usaha pemulihan ekonomi yang terjejas akibat penularan Covid-19 akan dipertingkatkan melalui siri *engagement* Belanjawan 2021 yang telah dan sedang giat dijalankan oleh pasukan Kementerian Kewangan bagi mendapatkan maklumbalas dan input daripada segenap lapisan rakyat. Maklumbalas berkenaan seterusnya akan digunakan bagi merangka Belanjawan 2021 yang akan dibentangkan di Parlimen pada awal November ini. Siri jelajah Belanjawan 2021 di Sabah dan Sarawak baru-baru ini juga memberi penekanan kepada *delivery service* Kerajaan termasuk penambahbaikan pelaksanaan dan saluran bantuan kepada rakyat supaya lebih cepat dan berkesan, selain penambahbaikan infrastruktur fizikal antara kawasan bandar dan pedalaman di kedua-dua negeri.

19. Semasa Jelajah Belanjawan 2021 ini saya bersama YB Tuan Mohd Shahar Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan telah menghadiri taklimat mengenai Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) di pedalaman dan projek Sekolah Daif Sabah oleh Jabatan Kerja Raya Sabah di Tanjung Aru, Kota Kinabalu. Saya kemudiannya ke Kuching, Sarawak, di mana saya juga telah mengadakan sesi dialog dengan wakil-wakil industri, termasuk industri minyak dan gas, komoditi-agro, pelancongan dan perniagaan untuk mendapat maklumbalas bagi Belanjawan 2021.
20. Bagi memanfaatkan rakyat Sabah dan Sarawak, warga Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMSabah) dan Perbendaharaan Sarawak (PMSarawak) telah turun ke pelbagai lokasi di kawasan pedalaman ini bagi memudahkan urusan penerima di kawasan berkenaan. Mereka menaiki bot, meredah hutan dan memanjat bukit dalam melaksanakan amanah yang diberi. Berkaitan dengan Pakej PRIHATIN dan PENJANA, sejumlah **1.93 juta rakyat Sabah dan Sarawak telah menerima manfaat Bantuan Prihatin Nasional bernilai lebih RM2.1 bilion**. Manakala hampir 100,000 perniagaan di Sabah dan Sarawak termasuk perniagaan mikro, kecil dan sederhana telah menerima manfaat bernilai RM1.4 bilion melalui saluran seperti Subsidi Upah Pekerja, Geran Khas Prihatin, serta pinjaman mikro TEKUN dan BSN untuk PKS mikro.
21. Semasa Jelajah Belanjawan ke beberapa negeri dan dengan pelbagai sektor industri dalam dua bulan lalu, **Kerajaan mengambil maklum permintaan untuk menambah, memanjangkan atau menambahbaik beberapa langkah-langkah untuk manfaat rakyat dan perniagaan. Kerajaan akan memperhalusi dan mempertimbangkan cadangan dan maklumbalas yang diterima.** Walau apapun, Kerajaan tetap prihatin dan bersedia membantu golongan yang benar-benar memerlukan sokongan.
22. Baru-baru ini terdapat peningkatan mendadak kes COVID-19 di negara kita terutama di Sabah dan beberapa negeri di utara Semenanjung. Saya berharap agar kita semua sentiasa mematuhi SOP yang telah diperkenalkan Kerajaan dan sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal, memakai penutup muka dan memastikan kesihatan kita sentiasa terjaga. Sekian, terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

22 September 2020

LAMPIRAN - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Sehingga 11 September 2020, jumlah pengeluaran kumulatif di antara April sehingga Ogos 2020 adalah sebanyak RM9.03 bilion (peningkatan daripada RM8.14 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.62 juta penerima (peningkatan daripada 4.6 juta minggu lalu). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 11 September 2020, sebanyak RM268.2 juta telah disalurkan berdasarkan 831,924 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3.	Pemandu teksi	Setakat 11 September 2020, Kerajaan telah menyalurkan bantuan tunai <i>one-off</i> kepada 33,377 pemandu teksi yang berjumlah RM20 juta .
4.	Pemandu Pelancong	Sehingga 11 September 2020, seramai 7,622 pemandu pelancong (peningkatan daripada 7,620 pemandu) telah menerima bantuan tunai <i>one-off</i> berjumlah RM4.6 juta .
5.	Pemandu bas pelancongan	Pembayaran tunai <i>one-off</i> kepada 3,104 pemandu bas pelancongan telah mula dibuat pada 22 Julai 2020. Setakat 11 September 2020, seramai 2,902 pemandu bas pelancong telah menerima bantuan berjumlah RM1.74 juta .

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN					
6.	Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Sehingga 11 September 2020, sebanyak 69,417 permohonan (peningkatan daripada 68,985 minggu lalu) telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 13,040 permohonan telah diluluskan bernilai RM84.8 juta (peningkatan daripada RM84.5 juta minggu lalu) bagi caruman KWSP majikan.			
		Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
		11 September	69,417	13,040	84.8
		4 September	68,985	12,994	84.5
		28 Ogos	68,532	12,904	84.2
		31 Julai	65,986	12,425	82.1
		26 Jun	36,107	9,542	63.9
		31 Mei	26,509	5,245	34.8
		*Jumlah kumulatif			
7.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 11 September 2020, pembayaran telah dibuat kepada 11,006 PKS (peningkatan daripada 10,695 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM369.1 juta (peningkatan daripada RM361.3 juta minggu lepas)			
8.	Program TEKUN	Setakat 11 September 2020, pembayaran telah dibuat kepada 25,716 PKS (peningkatan daripada 25,616 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM195.0 juta (peningkatan daripada RM194.02 juta minggu lepas).			

9.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 11 September 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM10.5 billion (peningkatan daripada RM10.4 billion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada 22,822 PKS (peningkatan daripada 22,688 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana Special Relief Facility (SRF), Automation & Digitalisation Facility (ADF), All-Economic Sector Facility (AES) dan Agrofood Facility (AF). <table border="1" data-bbox="480 521 1358 920"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>11 September</td><td>10.5</td><td>22,822</td></tr> <tr> <td>4 September</td><td>10.4</td><td>22,688</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	11 September	10.5	22,822	4 September	10.4	22,688	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																								
11 September	10.5	22,822																								
4 September	10.4	22,688																								
28 Ogos	10.3	22,440																								
Julai	9.6	21,410																								
Jun	8.4	19,539																								
Mei	6.9	16,833																								
April	1.5	3,636																								
PRIHATIN MATLAMAT 3: PERKUKUH EKONOMI																										
10.	Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan	Setakat 11 September 2020, nilai moratorium tersebut dianggarkan berjumlah RM89.6 bilion. Daripada angka ini, sebanyak RM31.4 bilion adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh peminjam individu bernilai RM58.2 bilion.																								